

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 JUN 2022

KERATAN AKHBAR

Air warna putih, berbau dikesan di Sungai Langat



LUAS mengesan aliran air berwarna putih dan bau seakan-akan klorin di kawasan Sungai Langat di sini, petang tadi. - Foto ihsan LUAS

SHAH ALAM: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengesan aliran air berwarna putih dan bau seakan-akan klorin di kawasan Sungai Langat di sini, petang tadi.

Aliran itu dikesan susulan maklumat yang diterima daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang memaklumkan insiden itu jam 3.30 petang tadi.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian, berkata hasil siasatan LUAS mendapati punca aliran air berwarna putih itu disebabkan terdapat pelepasan efluen daripada 'sump' milik sebuah premis kilang di Kajang.

Beliau berkata, kilang terbabit dipercayai melepaskan aliran air putih ke sungai tanpa melalui titik pelepasan akhir efluen premis yang ditetapkan.

"Pengaktifan Kod Kuning selaras dengan Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor membabitkan pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

"LUAS sudah menjalankan tiga persampelan dan akan dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia (JKM) untuk analisa lanjut," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, susulan itu LUAS mengeluarkan arahan kepada premis berdasarkan Seksyen 121 (1) Enakmen LUAS 1999 supaya menghentikan segera pelepasan efluen yang berpotensi mencemarkan aliran air sungai serta melaksanakan kerja pembersihan segera supaya pencemaran tidak berulang dan proses pembersihan sedang dilakukan oleh pihak premis.

Katanya, kertas siasatan terhadap insiden itu dibuka berdasarkan Seksyen 79 (1) Enakmen LUAS 1999 yang memperuntukkan denda minimum RM200,000 dan maksimum RM1 juta serta penjara tidak kurang tiga tahun.

"Anggaran jarak lokasi punca pencemaran (premis) ke tiga muka sauk terdekat adalah Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih 2 sepanjang 18 kilometer (km), LRA Bukit Tampo (29.5 km) dan LRA Labohan Dagang (40.9 km).

"Tindakan pantas kawalan di tapak berjaya mengelakkan potensi henti tugas LRA terbabit dan langkah mitigasi susulan serta pemantauan rapi dari semasa ke semasa dijalankan oleh LUAS bersama pihak terbabit bagi memastikan sumber air Selangor terpelihara.

"LUAS merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang prihatin terhadap sumber air Negeri Selangor," katanya.